



**AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
**ZON MARITIM BINTULU**  
Sub Lot 1-5, Lot 1174, Blok 32 (Batu 5)  
Wisma Peng Seng, Daerah Tanah Kemena,  
Jalan Bintulu-Miri  
**97000 BINTULU, SARAWAK**  
**MALAYSIA**



Telefon : **086-314237 / 314254**  
Fax : **086-312268**  
Bilik Operasi (24 Jam) : **082-432544**

Ruj Kami :APMM.W4.100-2/1/7Jld 11(24)

Tarikh : 12 September 2022

## **SIARAN MEDIA**

### **DUA VESEL NELAYAN TEMPATAN KELAS C DITAHAN KERANA MENANGKAP IKAN DI LUAR ZON YANG TELAH DITETAPKAN.**

**BINTULU, 12 September** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Bintulu telah menahan dua vesel nelayan tempatan disyaki telah melakukan aktiviti perikanan tanpa kebenaran iaitu menangkap ikan kurang daripada jarak yang dibenarkan seperti yang ditetapkan di dalam buku lesen. Kedua-dua vesel nelayan tersebut masing-masing ditahan pada jarak lebih kurang empat dan lima batu nautika dari Pantai Samalaju, Bintulu pada 6 September, sekitar jam 6.30 pagi, selasa lalu.

Pengarah Zon Maritim Bintulu, Kepten Maritim Mohd Khairul Anuar Bin Saad berkata, vesel nelayan tersebut ditahan ketika melakukan aktiviti penangkapan ikan secara menunda. Tangkapan dibuat atas aduan daripada komuniti nelayan setempat kerana terdapatnya segelintir vesel nelayan tempatan yang menceroboh kawasan pesisir pantai dan merosakkan peralatan menangkap ikan bagi nelayan-nelayan kecil khususnya nelayan pesisir pantai.

Hasil pemeriksaan mendapati kedua-dua vesel tersebut dikendalikan oleh lima kru termasuk tekong. Dua orang tekong termasuk semua kru adalah warga Indonesia berumur dalam lingkungan 28 hingga 77 tahun dan kesemua kru tersebut mempunyai dokumen pengenalan diri iaitu passport.

Maritim Malaysia turut menyita dua vesel, peralatan menangkap ikan jenis pukat tunda, beserta 150 kilogram ikan campur yang dipercayai baru ditangkap.

Kesemua kru beserta bot nelayan ditahan dan diiringi ke Pusat Tahanan Vesel Zon Maritim Bintulu untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi siasatan lanjut.

Kedua-dua vesel tersebut akan disiasat di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana telah melanggar syarat sah lesen kerana melakukan aktiviti menangkap ikan kurang daripada jarak yang dibenarkan yang mana boleh dikenakan kompaun daripada Jabatan Perikanan Malaysia.

Maritim Malaysia sentiasa mengingatkan kesemua komuniti maritim supaya mematuhi segala peraturan dan undang-undang sebelum melakukan sebarang aktiviti di laut serta mengalu-alukan sebarang maklumat serta aduan daripada seluruh komuniti maritim bagi melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan ataupun kecemasan di laut melalui talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Bintulu (086-314 254) dan Pusat Operasi Maritim Negeri Sarawak (082-432544) yang beroperasi 24 jam.

**Kepten Maritim Mohd Khairol Anuar Bin Saad**

**Pengarah Zon Maritim Bintulu**

**Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**

**-TAMAT-**

---

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi:

Pegawai Perhubungan Awam

Leftenan Madya Maritim Aziz bin Mohd Hamdi

Tel : 010-361 1446

Email : azizhamdi@mmea.gov.my